
[BIL. 44 OGOS 2019](#)

Kolokium Akademik MTUN bincang agenda TVET b

Dalam memperkasakan ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini sedang digerakkan dalam negara, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Kolokium Akademik (MTUN) membabitkan seramai 60 penyertaan daripada UMP, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang berlangsung di Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gar

Pengiktirafan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap kepentingan dan relevansi MTUN ini mer agenda *Higher* TVET dan ini termasuklah kejayaan pelancaran program Sarjana Muda Teknologi (B. Tech) memberi akses dan laluan kepada graduan sebagai penggerak ekonomi negara.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, MTUN bertanggungjawab untuk Pendidikan dan Kerajaan Malaysia tersebut diterjemahkan sebaik mungkin melalui strategi dan inisiatif yang berkepentingan, pemegang taruh dan kumpulan sasaran yang terlibat.

“Ke arah pemantapan *Higher* TVET ini, saya melihat lebih banyak libat sama (*engagement*) perlu di pengambilannya pelajar dan pemahaman awam.

“Ia adalah penting bagi membantu kerajaan untuk meletakkan TVET dalam perspektif dan konteksnya yang katanya yang hadir merasmikan program dan turut menyampaikan ucapan bertajuk ‘*Foresight of Engine*

Tambah beliau lagi, sinergi keempat-empat universiti MTUN dalam konteks *Higher* TVET ini akan memuktamadkan Rancangan Malaysia Ke-12.

“Malahan peranan MTUN dalam konteks *Higher* TVET tersebut cukup relevan untuk membawa Malaysia dengan lebih pesat melalui migrasi daripada ekonomi berintensifkan buruh kepada ekonomi masa depan yang ekonomi intelek (*K-Economy*) sejajar dengan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat pembangunan lest

Dalam program ini, Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple turut menyampaikan pembentangan bertajuk '*Engineering Technician*' yang banyak menerangkan perbezaan hala tuju teknologis dan juruteknik kejuruteraan dalam Lembaga Jurutera Malaysia.

Ujarnya, melalui Program Sarjana Muda MTUN ini juga universiti bakal melahirkan graduan yang berkebolehan tidak hanya tertumpu kepada ilmu semata-mata tetapi juga kompeten dalam kemahiran.

Kolokium yang berlangsung selama sehari ini turut mengandungi aktiviti perbincangan dalam kumpulan mengenai TVET, program mobiliti dan kerjasama antara MTUN, jaringan industri dan MTUN, promosi kemasukan kejuruteraan dan kemahiran bagi pensyarah dan jurutera pengajar dalam teknologi kejuruteraan dan TVET.

Turut hadir Dekan Kanan Kolej Teknologi Kejuruteraan UMP, Profesor Abdullah Ibrahim, Dekan Fakulti Kejuruteraan Madya Ts. Haji Amran Mohd Zaid. dan Pengarah Program, Dr. Azrina Abd Aziz daripada Kolej Teknologi K

Tadbir Urus dan Integriti dalam Era Revolusi Perindustrian

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan tadbir urus dan integriti yang lebih berkesan dalam era Revolusi Perindustrian, *Integrity Centre* (FGIC) yang berpusat di Fakulti Pengurusan Industri (FIM) Universiti Malaysia Pahang (UMP) (YP) menganjurkan persidangan FGIC 2019 bertemakan 'Tadbir Urus dan Integriti dalam Era Revolusi Perindustrian' bekerjasama daripada Institut Integriti Malaysia (IIM) bertempat di Dewan Besar, Kompleks Yayasan Pahang pada 20 Ogos 2019 yang lalu.

Persidangan Tadbir Urus dan Integriti kedua ini bertujuan untuk membincangkan peranan penting tadbir urus dan integriti dalam membincangkan isu tadbir urus dan integriti di era digital.

Persidangan ini turut berjaya mengumpulkan pihak industri, agensi kerajaan dan ahli akademik dengan 82 penyertaan dalam dan luar negara termasuklah United Kingdom, Indonesia, Jerman, Oman, Pakistan, Korea, Emiriah Arab Bersatu, dan Malaysia.

Hadir merasmikan persidangan Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Norolazali Sulaiman yang mewakili Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad dan Naib Canselor UMP, Prof. Dr. Yusoff Yusoff, Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang, Dato' Mahmud Mohd Nawawi dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif UMP.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Norolazali berkata, penganjuran persidangan ini memberi peluang peserta berhubung bidang integriti dan governan berdepan dengan Revolusi Digital.

“Pemilihan tema ini bertepatan pada masanya dan kini sudah tiba masanya untuk organisasi berinovasi dalam penyelesaian terhadap produktiviti, memastikan kualiti dan menjamin kepuasan pada perkhidmatan mereka kepada pelanggan.”

Selain itu, pihaknya berbangga dengan Portal My Government yang menyokong sistem penyampaian perkhidmatan melalui platform rangkaian bagi membolehkan capaian kepada aplikasi-aplikasi Kerajaan Elektronik, aplikasi dalam talian dan internet.

Sementara itu, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar mengharapkan kerjasama baik dengan Yayasan Pahang ini dalam pembangunan modal insan di negeri ini malahan kolaborasi dengan pihak GIACC ini juga memberi peluang kepada mereka terhadap program bagi meningkatkan kesedaran integriti dan governan menerusi pelbagai inisiatif yang dijalankan.

Pada masa yang sama, beliau turut menyerahkan laporan penyelidikan mengenai *'FGIC Corruption Barometer 2018'* kepada Dato' Sri Norolazali mewakili Menteri Besar Pahang bersama pihak Yayasan Pahang dan UMP.

Kajian ini bertujuan menilai persepsi rasuah di negeri-negeri di Pantai Timur iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu dan menumpukan perhatian terhadap bidang-bidang untuk meningkatkan kesedaran dan persepsi rasuah di negeri-negeri tersebut.

Penganjuran program ini memberi peluang peserta mengikuti forum bertajuk *'Challenges and Impacts of Industry 4.0 on the Digital Revolution'* yang menampilkan Timbalan Ketua Pengarah, Pusat Tadbir Urus, Integriti dan Akademi, Yusoff Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif Bosch Rexroth Malaysia, Michel Gunawan dan Ketua Strategi dan Operasi, Raja Segaran serta Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar UMP, Profesor Dr. Yusoff Yusoff membincangkan isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor swasta dan awam dalam memenuhi keperluan kesediaan mereka dalam menghadapi cabaran semasa.

Manakala forum bertajuk *'Inculcating Good Governance and Integrity in Education Towards Digital Industry 4.0'* Pendidikan Tinggi memainkan peranan penting dalam membentuk sumber manusia yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masa depan. Panel berkongsi pengalaman berdepan dengan cabaran masa depan.

Dalam program ini, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusoff Yusoff panel terdiri daripada Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Profesor Ts. Dr. Noor Azizi Ismail, Pengerusi UMP, Profesor Dato' Sri Ts. Dr. Daing Nasir Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif, Human Government Institute dan Profesor Dr. Susela Devi K. Suppiah yang merupakan Profesor di Sunway University Business School.

Forum bertajuk *'Innovative Initiative towards Managing Governance and Integrity: The Way Forward'* panel sebagai moderator bersama ahli panel yang terdiri daripada Nor' Afiza Saim, Pengarah Sektor Audit Gov, Madya Dr. Husin Jazri, Pengarah Keselamatan Informasi, Asia Pacific University of Technology and Innovation.

Warga UMP bergotong-royong laksana ibadah

Oleh: SITI NURAZWIN ZULKIFLI, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bersempena Hari Raya Aidiladha yang disambut baru-baru ini, warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) bergotong-royong dalam Program Ibadah Korban dan Aqiqah anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insa

Pada tahun ini, sebanyak enam ekor lembu korban disembelih dalam program yang bermula jam 9.00 serentak di kedua-dua kampus UMP Kampus Pekan dan Gambang.

Seramai 42 orang penyumbang mengambil bahagian dalam ibadah korban ini membabitkan staf UMP dan

Program diketuai oleh Ustaz Shahrul Nizam Md Ahir di Masjid UMP Pekan dan Ustaz Md. Abdu Sahak seramai 80 orang sukarelawan yang bersama-sama bergotong-royong menjayakan program ini bermula dengan disembelihan dan memasak juadah nasi berlaukkan daging masak kerisik dan acar jelatah.

Menurut Ustaz Md. Abdu, ibadah korban sangat dituntut dalam Islam bagi mendekatkan diri kepada Allah pada 10 Zulhijah dan tiga hari tasyrik iaitu 11,12 dan 13 Zulhijah serta menghayati konsep pengorbanan dan ber

“UMP turut menawarkan kemudahan buat staf melaksanakan ibadah korban menerusi kaedah pemoto justeru dengan skim ini diharapkan ianya dapat membantu warga UMP menunaikan ibadah korban pada ta

Program ini juga dapat merapatkan hubungan baik di antara staf daripada pelbagai jabatan memand dengan tuntutan tugas.

Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusof yang hadir bertemu sukarelaw korban kepada warga UMP dan masyarakat setempat.

Memartabat Pentadbir Memperkasa Urus Ta

Oleh: MOHD. RAIZALHILMY MOHD RAIS

e-Mel: hilmy@ump.edu.my

Tanggal 20 Ogos setiap tahun adalah merupakan sambutan Hari Pentadbir sebagai mengiktiraf peranan Pentadbir. Sambutan Hari Pentadbir kali pertama diumumkan pada tahun 2016 semasa penganjuran Konvensyen Pentadbir Universiti di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi Malaysia (AKEPT). Di bawah payung Majlis Persatuan Pentadbir Perbadan gabungan Persatuan Pentadbir di seluruh UA telah dibina bagi menjadikan golongan pentadbir dan pentadbir dalam membina kecemerlangan universiti awam tersebut.

Sambutan kali ini yang bertemakan 'Memartabat Pentadbir, Memperkasa Urus Tadbir' dilihat signifikan dalam perubahan dinamik pendidikan tinggi di Malaysia di mana kejayaan universiti pada hari ini adalah hasil kerja pentadbir yang merupakan tulang belakang sesebuah universiti selain daripada kelompok akademik dan kumpulan pentadbir dalam menyokong perjalanan universiti tanpa menafikan sumbangan semua pihak lain.

Dalam konteks UMP, kelompok pentadbir atau lebih dikenali sebagai Pengurus Profesional ini hendaklah berhadapan dengan perubahan baharu yang berlaku serta perlu sentiasa menghadapi cabaran dari segenap ruang baharu. Sebagai Profesional mereka hendaklah mengambil sikap lebih terbuka, luwes dan berani berbeza dalam apa sahaja yang diungkapkan. Ibarat 'tidak ada kusut yang tidak selesai, tidak ada keruh yang tidak jernih', peribahasa ini menggambarkan masalah dan konflik yang kita tempuhi walau sebesar mana pun akan dapat diselesaikan dan diungkapkan. Bekerjalah sebagai ibadah, itu slogan setiap saat mendukung nilai teras ketika kita berada di tempat kerja.

Pengurus Profesional perlu meletakkan keutamaan dan tumpuan dalam memastikan kecemerlangan universiti yang berwibawa bersama-sama dengan kepimpinan Pengurusan Tertinggi Universiti. Penumpuan kepimpinan dalam kalangan pentadbir universiti dapat dipelihara serta inisiatif pelan penggantian dan kelompok kerja sentiasa bersikap profesional dan terbuka serta sentiasa berusaha untuk meletakkan nilai tambah dalam memastikan dan mempertingkatkan lagi kecemerlangan universiti di persada dunia.

Dunia pentadbir hari ini penuh dengan cabaran. Berhadapan dengan revolusi perindustrian 4.0 memacu perubahan pekerjaan kita. Maklumat diperoleh dan disebar luaskan dalam sekelip mata. Kecanggihan teknologi hari ini memerlukan sikap yang matang. *'Your Attitude Determines Your Altitude'*, sikap kita semua melambangkan ketinggian pencapaian.

Transformasi universiti pada hari ini perlu dijiwai dan dihayati oleh seluruh Pengurus Profesional. Kita bukan sahaja perlu bersedia menjadi *fast adapter*. Transformasi yang berlaku ini perlu dibawa bersama slogan *'lead or be led'*. Terdapat beberapa isu, tetapi kita sama dalam banyak perkara. Kebersamaan itu hendaklah diterjemahkan dalam tindakan dan sesebuah universiti.

Oleh yang demikian, bersempena dengan sambutan Hari Pentadbir tahun ini marilah kita selaku pentadbir berkhidmat dengan penuh bertanggungjawab dalam suasana harmoni dan sejahtera.

Sesungguhnya kejayaan sesebuah organisasi diukur berdasarkan kepada kecekapan, keberkesanan, produktiviti yang akhirnya memerlukan warga pentadbir yang menilai secara realistik, berupaya melakukan anjakan paradigma untuk berubah serta responsif dengan suasana persekitaran semasa dan menjangka (*predict*) perubahan yang dilihat sebagai kemahiran yang penting yang perlu dibudayakan secara sistematik mengikut acuan organisasi.

Selamat Hari Pentadbir Kepada Seluruh Pentadbir Universiti Awam se-Malaysia.

Penulis ialah Presiden Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas Universiti Malaysia Pahang (UMP) (Hubungan Korporat), Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI).

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabtah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap artikel yang tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak mewakili pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan adalah tanggungjawab kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan data.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, adalah hak milik UMP dan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penanggungjawab.

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 77 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

